

10 FEB 2002

Abdullah-Umno (Bergambar)

ABDULLAH GARISKAN TIGA ASAS KEKUATAN UMNO

KANGAR, 10 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggariskan tiga perkara termasuk mematuhi arahan pemimpin bagi memastikan Umno terus kekal sebagai sebuah parti yang kuat.

Abdullah yang juga timbalan presiden Umno berkata, mereka juga perlu mengutamakan perpaduan serta setia kepada parti.

Ketika berucap pada majlis kesyukuran kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Indera Kayangan serta perasmian persidangan cawangan Umno seluruh Perlis di sini malam ini, Abdullah yakin kekuatan Umno akan lebih menyerlah jika mereka mengutamakan perkara-perkara itu.

"Semua anggota Umno di pelbagai peringkat perlu ikut cakap pemimpin, Mereka juga perlu utamakan perpaduan dan tunjukkan kesetiaan kepada parti," kata beliau.

Katanya, perkara-perkara itu sudah cukup untuk meletakkan Umno sebagai sebuah parti yang dihormati kerana mempunyai kekuatan bukan sahaja di peringkat cawangan dan bahagian malah di peringkat yang lebih tinggi.

"Kekuatan cawangan adalah penting. Kalau cawangan tak kuat, bahagian juga tidak kuat. Apabila bahagian tidak kuat, seluruh kekuatan parti akan lemah," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat Umno di peringkat cawangan adalah amat penting kerana suara mereka akan menjadi asas perbincangan pada perhimpunan agung parti itu.

"Jangan anggap mesyuarat cawangan tidak penting. Semua ahli Umno perlu hadir. Sebelum ini di sesetengah cawangan jumlah wanita yang hadir lebih ramai dari lelaki.

Beliau juga mengulangi kekecewaannya terhadap PAS yang cuba melagakan Datuk Seri Dr Mahathir dan Umno dengan ulama.

"Umno adalah parti mesra ulama dan Umno tidak pernah peralat Islam untuk dapat kuasa," katanya yang merujuk laporan terbaru akhbar Harakah.

Sebagai contoh, beliau berkata Perdana Menteri sering mendapatkan pandangan para ulama termasuk di kalangan bukan Umno dan para pensyarah universiti dalam hal-hal tertentu.

Beliau juga berharap kepimpinan Umno di semua peringkat mengkaji kemenangan dan kekalahan parti dalam pilihan raya untuk menjadi asas kepada pilihan raya umum akan datang.

"Jangan hanya kaji apabila kalah dan apabila dah menang tak buat apa-apa. Kalau menang kita kena kaji punca utama kemenangan untuk jadi panduan masa depan.

"Jangan pula apabila datang pula pilihan raya, baru nak fikir apa yang nak dibuat," katanya.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

-- BERNAMA

AD FAZ